

Resorts World Genting dan Taylor's University Raikan Kejayaan Kempen Diterajui Pelajar bagi Jenama *Flavours of Genting*

Kuala Lumpur, 10 Februari 2026 – Resorts World Genting (RWG) dan Taylor's University hari ini meraikan kejayaan pelaksanaan kolaborasi pengiklanan dan penjenamaan yang diterajui pelajar, sekali gus mencerminkan kejayaan kerjasama industri–akademia dalam merealisasikan idea pelajar melalui jenama Flavours of Genting.

Kolaborasi ini dijalankan di bawah Sekolah Media dan Komunikasi (SOMAC), Taylor's University, melalui program [Bachelor of Mass Communication \(Honours\) in Advertising and Brand Management](#). Pelajar tahun akhir terlibat dalam Projek Kolaboratif Pengiklanan dan Pengurusan Jenama, sebuah inisiatif yang disokong oleh Malaysian Advertisers Association (MAA). Projek ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengendalikan tugas industri sebenar bersama organisasi terlibat. Daripada lapan klien industri yang mengambil bahagian, satu kumpulan pelajar telah terpilih untuk bekerjasama secara langsung dengan RWG.

Sebahagian daripada projek ini, enam pelajar iaitu Saffiya binti Sheriza, Adeline Yeo Wei Xuan, Ahmad Iliya bin Ahmad Zaharul Annuar, Jin Kehui, Yin Yuwen dan Zoey Yap Cyn Chi telah membangunkan kempen pengiklanan bersepadu serta konsep pembungkusan untuk jenama Flavours of Genting, iaitu rangkaian produk makanan cenderamata eksklusif di RWG. Skop kerja mereka merangkumi penyelidikan jenama dan pengguna, pembangunan strategi kempen, serta pembangunan dan pelaksanaan kreatif. Penekanan diberikan terhadap konsistensi jenama dan pengaktifan sebenar dalam persekitaran resort bersepadu.

Beberapa idea hasil pembangunan pelajar telah diterapkan oleh Flavours of Genting, termasuk penciptaan maskot Cloudy Companions, Flavo dan Flava, serta rekaan pembungkusan edisi terhad bagi tart nanas dan tart durian. Kempen ini memperkenalkan pembungkusan koleksi yang diinspirasi daripada mercu tanda RWG yang digabungkan dengan elemen penceritaan yang kreatif bagi meningkatkan ingatan jenama serta memposisikan Flavours of Genting sebagai cenderamata unik dari tanah tinggi. Konsep-konsep ini telah berkembang daripada idea di ruang kuliah kepada pelaksanaan sebenar, dengan elemen visual dan pembungkusan diaktifkan di seluruh resort.

Sepanjang kolaborasi ini, RWG memberikan sokongan kepada para pelajar menerusi sesi taklimat jenama berstruktur, panduan kempen serta sesi bimbingan dua minggu sekali. Lawatan pengenalan di lokasi turut dianjurkan untuk memberi pendedahan langsung kepada operasi

resort, titik sentuh pengunjung serta ekosistem jenama, sekali gus membantu mereka memahami konteks komersial sebenar dalam pembangunan idea.

Bagi memperingati kolaborasi dan pencapaian yang dihasilkan, penyerahan cek penghargaan telah diadakan kepada para pelajar yang terlibat semasa sidang media yang berlangsung di Taylor's University hari ini, sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka serta komitmen RWG dalam menyokong bakat kreatif muda melalui projek berteraskan industri.

Dalam program ini, Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam RWG, turut menyertai Profesor Dr Neethiahnathan Ari Ragavan, Dekan Eksekutif Fakulti Sains Sosial & Pengurusan Pelancongan Taylor's University, dalam sesi dialog bertajuk *"Building Tourism Brands People Want to Be Part Of"*.

Sesi dialog diakhiri dengan perkongsian pandangan mengenai kepentingan kolaborasi rentas industri serta bagaimana jenama pelancongan boleh mengimbangi identiti tempatan yang kukuh dengan perspektif global bagi kekal relevan, terbuka dan bersedia menghadapi masa hadapan. Perkongsian pandangan diakhiri dengan penekanan terhadap kepentingan kolaborasi rentas industri serta bagaimana jenama pelancongan boleh mengimbangi identiti tempatan yang kukuh dengan perspektif global bagi kekal relevan, terbuka dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Dalam ucapannya semasa program, Spencer Lee menyatakan bahawa kolaborasi ini mencerminkan komitmen Resorts World Genting (RWG) dalam membangunkan bakat yang bersesuaian dengan keperluan industri melalui penglibatan yang bermakna.

"Di Resorts World Genting, kami percaya bahawa jenama yang kukuh dibina oleh individu yang memahami keseimbangan antara kreativiti dan keperluan perniagaan sebenar. Kolaborasi bersama Taylor's University ini membolehkan kami berinteraksi secara langsung dengan bakat muda, memperoleh perspektif baharu serta menyumbang kepada pembangunan bakat kreatif yang bersedia menghadapi masa hadapan. Melalui pendedahan kepada tugas sebenar, pengalaman di lapangan dan bimbingan industri, kami berhasrat merapatkan jurang antara akademik dan industri sambil memupuk inovasi yang relevan dalam landskap pemasaran dan komunikasi yang sentiasa berkembang."

Taylor's University turut menekankan kepentingan pembelajaran berasaskan aplikasi serta pemeraksanaan pelajar melalui kerjasama industri–akademia. Profesor Dr Neethiahnathan Ari Ragavan menyatakan bahawa, "Kami berbesar hati apabila pelajar kami terlibat dalam projek yang membolehkan idea mereka direalisasikan di luar bilik kuliah. Penglibatan dalam tugas industri dengan hasil yang nyata membantu pelajar membina keyakinan profesional serta memahami bagaimana pemikiran kreatif diterjemahkan kepada keperluan industri. Kerjasama kami dengan RWG mencerminkan bagaimana pengalaman sebegini dapat mempersiapkan pelajar untuk menyumbang secara bermakna sejak awal kerjaya mereka.

Kolaborasi ini mencerminkan komitmen bersama kedua-dua organisasi dalam memperkukuh kerjasama industri–akademia, memupuk inovasi serta melengkapkan pelajar dengan kemahiran bersedia industri bagi landskap pemasaran, penjenamaan dan pelancongan yang sentiasa berkembang.

Produk Flavours of Genting yang menampilkan rekaan pembungkusan hasil pelajar kini boleh didapati di resort, menawarkan pengunjung pengalaman cenderamata yang unik dan boleh dikumpul sebagai kenangan istimewa dari pengalaman mereka di RWG.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Ms Hew Huey Yee

Executive – Communications
Taylor's University Sdn Bhd
Tel: (60) 123848157
Email: hueyyee.hew@taylors.edu.my

Ms Kirtana Dharmananda

Assistant Manager – Communications
Taylor's University Sdn Bhd
Tel: (60) 1123207847
Email: kirtana.dharmananda@taylors.edu.my

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.

Mengenai Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan Rekreasi, Taylor's University

Taylor's University merupakan universiti swasta bukan berkaitan kerajaan (non-government-linked) dengan kedudukan tertinggi di Asia Tenggara, berada di tangga #253 dalam QS World University Rankings 2026. Kedudukan ini meletakkan universiti tersebut dalam kelompok 1% universiti terbaik dunia. Selain itu, Taylor's University turut berada di kedudukan #27 di Asia dalam penilaian QS Asia University Rankings 2026.

Dalam QS World University Rankings by Subject 2025, Taylor's University mengekalkan kedudukan Top 20 dunia bagi bidang Hospitaliti dan Pengurusan Rekreasi untuk tahun ketujuh berturut-turut. Sebagai satu pencapaian bersejarah, Taylor's University turut meraih kedudukan Top 50 dunia bagi subjek Sejarah Seni, sekali gus menjadikannya satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam subjek tersebut. Selain itu, fakulti ini turut diiktiraf sebagai antara universiti swasta terkemuka di Asia Tenggara bagi bidang Pendidikan dan Latihan serta Sosiologi, dan turut berada dalam kedudukan universiti swasta terkemuka di Malaysia bagi bidang Komunikasi dan Pengajian Media.